

**Jepun, China minat jambatan Labuan kerana kepentingan sendiri, kata pakar  
Free Malaysia Today  
Nov 14, 2016  
Robin Augustin**

**Mereka berkata pembinaan jambatan seperti itu hanya boleh dilaksanakan dengan pembiayaan luar.**

PETALING JAYA: China dan Jepun yang merupakan musuh tradisi mungkin berminat dengan cadangan pembinaan jambatan Labuan-Sabah di atas faktor kepentingan geopolitik berbanding hanya keuntungan ekonomi, kata pakar ekonomi.

“China agresif dalam mengembangkan pengaruhnya di wilayah itu, tetapi begitu juga Jepun yang mengepam wang masuk,” kata ahli ekonomi veteran, Hoo Ke Ping kepada FMT, mengulas kemungkinan pembinaan jambatan itu.

Minggu lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan berkata perbincangan terperinci mengenai kemungkinan jambatan itu dibina ditetapkan pada Januari, dan projek seumpama itu mungkin dilaksanakan menerusi kerjasama kerajaan-swasta.

Hoo berkata, berdasarkan ekonomi semasa, ia akan hanya boleh dilaksanakan jika syarikat swasta sama ada dari China atau Jepun membiayai pembinaan jambatan itu dengan diberikan konsesi tol jangka panjang.

Di bahagian lain Laut China Selatan, syarikat kereta api China dan Jepun turut mengintai projek bernilai RM50 bilion bagi pembinaan landasan Kereta Api Laju Kuala Lumpur-Singapura sepanjang 350km.

Di sebalik pembinaan jambatan itu, Hoo berkata Putrajaya juga perlu memainkan peranan memastikan kemapanan projek berkenaan.

“Kerajaan perlu mengembalikan status bebas cukai Labuan untuk menarik pelancong antarabangsa dari Kota Kinabalu, Miri di Sarawak dan Bandar Sri Begawan di Brunei ke Labuan,” katanya.

Pada 1 November, Jabatan Kastam menguatkuasakan peraturan baharu untuk Labuan, menyekat penjualan dan pembelian barangan bebas cukai seperti alkohol dan rokok, langkah yang dikritik beberapa dewan perniagaan Labuan.

Hoo berkata jambatan yang dicadangkan itu akan menjadi pelengkap kepada penerbangan terus dari China ke Kota Kinabalu dan Lebuh raya Pan Borneo yang kini dalam pembinaan.

“Jika ada tarikan dan akses ke Labuan, jambatan yang dicadangkan itu pasti mungkin dibina,” katanya.

### **Tidak ditanggung kerajaan**

Pakar ekonomi Universiti Tun Abdul Razak, Barjoyai Bardai berkata jambatan itu pelaburan jangka panjang kerana pada masa ini Labuan belum berkembang dan projek itu memerlukan pembinaan luaran.

Beliau berkata nampaknya syarikat China yang lebih berminat dalam projek pembinaan jambatan itu juga mahu membangunkan pulau berkenaan.

“Jika projek itu dibiayai syarikat asing tidak mengapa, tetapi jika kerajaan mahu membiayainya ia akan membimbangkan kerana Putrajaya sepatutnya fokus ke terhadap pemangkin lain untuk pertumbuhan,” katanya kepada FMT.

Barjoyai berkata kerajaan patut fokus untuk membangunkan sektor pelancongan, terutama bidang pelancongan kesihatan dan pendidikan yang berpotensi untuk berkembang dan lebih luas di seluruh negara.

Awal tahun ini, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata sektor pelancongan kesihatan Malaysia menerima 850,000 pelancong tahun lalu, menjana perolehan RM900 juta sementara Kementerian Pendidikan Tinggi menetapkan sasaran mempunyai 300,000 pelajar asing di Malaysia menjelang 2020.

Minggu lalu, ketika bercakap mengenai jambatan itu, Rahman berkata Unit Perancang Ekonomi sebelum ini menerima beberapa cadangan projek daripada pelbagai pihak tetapi ada yang tidak boleh dilaksanakan atau terlalu bergantung pada kerajaan.

“Saya akan memulakan perbincangan antara Sabah dan kerajaan persekutuan serta pihak berkuasa Labuan mengenai projek itu,” katanya dipetik sebagai berkata.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/14/jepun-china-minat-jambatan-labuan-kerana-kepentingan-sendiri-kata-pakar/>